



**TEKS UCAPAN
YBHG. DATO' SRI DR. ALI BIN HAMSA
KETUA SETIAUSAHA NEGARA**

**MAJLIS AMANAT KETUA SETIAUSAHA NEGARA BERSAMA
PESERTA KURSUS DIPLOMA PENGURUSAN AWAM (DPA) BIL.
2/2012**

**10 APRIL 2013 (RABU)
8.00 MALAM
INTAN BUKIT KIARA**

Bismillahir rahmanir rahim

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam
1Malaysia.

Saudara dan Saudari Pengacara Majlis,

YBhg. Dato' Mohamad Zabidi Zainal
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,

YBhg. Dato' Dr. Sharifah Zarah Syed Ahmad
Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Pembangunan)

YBhg. Dato' Dr. Ismail Alias
Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Operasi)

YBhg. Dato' Halim Man
Pengarah INTAN,
Pengarah-Pengarah Bahagian, Jabatan Perkhidmatan Awam

Pegawai-Pegawai Kanan Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN)

Wakil-Wakil Jabatan yang terlibat dengan pelaksanaan modul Kursus Diploma
Pengurusan Awam Bil. 2/2012

Penghulu Eksekutif, Diploma Pengurusan Awam Bil. 2/2012 Laskar Wizurai

Saudara dan Saudari para peserta Diploma Pengurusan Awam Bil. 2/2012
Laskar Wizurai sekalian.

PENDAHULUAN

1. Terlebih dahulu, saya ingin memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya saya dapat bersama Saudara dan Saudari pada malam ini. Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kerana diberi kesempatan untuk bersama-sama dengan anda semua, yang merupakan **pelapis dan bakal pemimpin** kepada perkhidmatan awam masa hadapan. Pertemuan kali ini memberi ruang kepada saya untuk **berkongsi amanat dan berinteraksi** bersama Saudara dan Saudari sekalian.

Saudara dan Saudari sekalian,

2. Hari ini merupakan hari yang bermakna kepada anda semua, di mana seramai 434 orang daripada 454 peserta telah berjaya mengharungi kursus Diploma Pengurusan Awam (DPA) yang dijalankan selama enam bulan. Saudara dan Saudari seharusnya bangga kerana berjaya **mengatasi cabaran, mengenyepikan kepentingan peribadi** serta **memberi sepenuh komitmen** dalam menjalani kursus ini. Syabas dan tahniah kerana telah berjaya mengharungi cabaran ini biarpun menghadapi pelbagai bentuk ujian. Ingatlah, untuk menjadi pemimpin yang berkualiti dan berwibawa, Saudara dan Saudari perlu mengharungi perjuangan dengan bermula dari bawah, iaitu sebagai peserta atau pengikut dengan menyempurnakan pelbagai tugas dan melaksanakan apa jua arahan yang diterima. Seperti yang pernah dikatakan oleh falsfah Aristotle, "***He who cannot be a good follower cannot be a good leader***".

KESETIAAN DAN PENGHARGAAN KEPADA KERAJAAN

Saudara dan Saudari sekalian,

3. Kerajaan telah melaksanakan pelbagai inisiatif dan usaha bagi pembangunan modal insan dalam perkhidmatan awam. Ini kerana kerajaan menyedari bahawa untuk menjayakan agenda transformasi negara, kita perlu mempunyai **modal insan yang kompeten dan berdaya saing tinggi**. Usaha dan inisiatif pengukuhan modal insan perkhidmatan awam ini pastinya melibatkan **pelaburan yang tinggi**. Sehubungan itu, tuan-tuan dan puan-puan seharusnya bersyukur kerana kerajaan telah melakukan pelaburan dalam bentuk wang, masa dan sumber untuk melatih dan menyediakan tuan-tuan dan puan-puan untuk berhadapan dengan cabaran sebagai pegawai PTD kelak.

4. Kursus DPA ini telah diatur untuk **menggilap dan mengasah bakat kepimpinan** dalam diri PTD Muda, selaras dengan aspirasi “***Building tomorrow’s leaders today***” oleh INTAN. Oleh itu, saya berharap agar Saudara dan Saudari sekalian dapat menggunakan ilmu yang diperolehi dengan sebaik mungkin bagi **mengekalkan momentum kecemerlangan** diri anda semua sepanjang tempoh perkhidmatan. Ini adalah selaras dengan pesanan YAB Perdana Menteri kepada kita semua pada Majlis Perdana Perkhidmatan Awam Ketiga Belas pada 11 Mac yang lalu, iaitu “**Matlamat utama penjawat awam ialah kesejahteraan rakyat. Semboyan utama perkhidmatan awam adalah perkhidmatan untuk rakyat.**” Oleh itu kita perlu **merasa denyut nadi rakyat, memahami aspirasi** mereka, **menyantuni keperluan** mereka dan **berdamping rapat** dengan mereka.

MEMBUDAYAKAN PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT

Saudara dan Saudari sekalian,

5. Lazimnya, kebanyakan peserta beranggapan bahawa Kursus DPA adalah pengakhiran kepada cabaran dan halangan dalam perkhidmatan. Mentaliti seperti ini perlulah dipadam daripada kotak pemikiran Saudara dan Saudari. Saya perlu mengingatkan bahawa Kursus DPA ini hanyalah **langkah permulaan** dan **bukan destinasi akhir** bagi sebuah perjalanan yang panjang dalam perkhidmatan. Rata-rata PTD Muda mempunyai tempoh perkhidmatan sekurang-kurangnya 30 tahun lagi, dan dalam tempoh tersebut pelbagai onak duri dan asam garam yang perlu dilalui sehingga ke destinasi terakhir. **Muda dari segi usia dan pengalaman bukanlah satu kekurangan** untuk Saudara dan Saudari terlibat dalam usaha mengharumkan nama perkhidmatan PTD dan juga mengharumkan negara di persada antarabangsa.

PERANAN PENJAWAT AWAM SEBAGAI ROLE MODEL

Saudara dan Saudari PTD Muda sekalian,

6. Teras kepada keperluan perkhidmatan ialah **pemilikan nilai dan etika kerja yang terpuji**. Saya ingin tekankan di sini bahawa penjawat awam yang mengamalkan nilai dan etika yang baik dalam pentadbiran boleh menjadi "*role model*" yang kemudiannya akan mempengaruhi orang lain untuk mencontohinya. Proses ini selari dengan konsep **Kepimpinan Melalui Teladan** atau disebut juga sebagai proses indoktrinasi dalam pembentukan sesuatu nilai dalam masyarakat.

7. Dalam konteks ini, ungkapan "Saya Yang Menurut Perintah" atau dikenali sebagai SYMP adalah sangat sinonim kepada perkhidmatan awam. Pegangan kukuh terhadap prinsip ini, disertai dengan kepantasan pelaksanaan, akan menjadi **etos dan budaya** ke arah pembentukan **kecemerlangan perkhidmatan awam**.

8. Sebagai meneruskan momentum transformasi dan dalam usaha memperkasakan komitmen perkhidmatan awam untuk menyampaikan perkhidmatan yang terbaik, YAB Perdana Menteri telah memperkenalkan enam (6) prinsip utama yang perlu dihayati dan dibudayakan oleh penjawat awam, iaitu CTI yang merujuk kepada **Cepat, Tepat dan Integriti**; dan PCI yang merujuk kepada **Productivity, Creativity dan Innovation**. **Kita tidak mahu prinsip-prinsip ini hanya menjadi retorik dan 'pemanis mulut'**. Adalah amat penting prinsip-prinsip ini dijadikan pegangan dan amalan kita semua. Selaku agen transformasi, kita perlu menjana pemikiran dan mengusahakan budaya kerja berprestasi tinggi demi untuk menempatkan Malaysia dalam kedudukan yang dihormati di arena global.

9. Dalam intipati CTI dan PCI ini, perkhidmatan awam memainkan peranan penting dalam merealisasikan agenda pembangunan negara. Perkhidmatan awam yang **bertaraf kelas pertama** serta **berprestasi tinggi** merupakan tiang seri dalam menangani perubahan-perubahan yang pantas berlaku dalam persekitaran global pada masa kini. Transformasi yang berkesan memerlukan sokongan dan komitmen penjawat awam untuk bergerak sebagai sebuah entiti yang mantap dan bekerja secara bersepadu dalam menggalas misi ini.

10. Sebagai pendukung dasar dan wawasan negara, penjawat awam seharusnya peka dengan informasi dan pengetahuan terkini. Maklumat yang disampaikan perlulah tepat, cepat dan padat serta memberi manfaat kepada golongan sasaran. Dengan itu, kita akan dapat memainkan peranan sebagai agen transformasi paling hadapan dan perantaraan antara rakyat dan kerajaan yang berkesan ke arah menjayakan agenda transformasi.

11. Namun begitu, idea yang kreatif tidak akan membawa kita ke mana-mana sekiranya tidak dapat dizahirkan melalui tindakan dan pelaksanaan yang inovatif. Sehubungan itu, kita bukan sahaja perlu ***think out of the box***, tetapi perlu juga bertindak di luar kotak (***act out of the box***) dalam menjalankan tugas mengikut kaedah dan proses kerja baharu yang lebih mudah, cepat dan efektif dari segi kos. Di sinilah pentingnya **Strategi Lautan Biru Kebangsaan atau *National Blue Ocean Strategy (NBOS)*** dilaksanakan. Kerajaan berharap agar mentaliti '*working in silo*' tidak lagi menjadi amalan kepada semua agensi awam. Melalui pendekatan NBOS, semua penjawat awam haruslah berganding bahu dalam melaksanakan perancangan dan pembangunan negara.

MERAKYATKAN PERKHIDMATAN AWAM

Saudara dan Saudari PTD Muda sekalian,

12. Merakyatkan Perkhidmatan Awam merupakan agenda besar yang memerlukan kecekapan warga penjawat awam. Bertepatan dengan slogan "Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan", saya menyeru Saudara dan Saudari agar **meneliti semula** kompetensi dan sumbangan masing-masing kepada rakyat yang menjadi pelanggan kita. Rakyat pada masa ini sudah pandai menilai dan mereka memerlukan pegawai-pegawai yang sentiasa "turun padang" dari semasa ke semasa untuk memahami masalah mereka. Perubahan daripada pendekatan menunggu pelanggan di kerusi yang empuk dan bilik berhawa dingin kepada konsep "turun padang" ini boleh mengajar kita untuk **menyelami masalah-masalah** sehingga ke akar umbi dan **menyelesaikannya** menerusi pendekatan yang lebih mesra dan membantu.

MENJUNJUNG DAN MEMELIHARA KEDAULATAN NEGARA

Tuan-tuan dan puan-puan PTD sekalian,

13. Umum mengetahui bahawa pencerobohan anasir luar di Lahad Datu merupakan **satu ujian getir** yang memerlukan usaha semua pihak dalam mempertahankan kedaulatan negara. Tugas mempertahankan negara ini bukan hanya terletak di bahu pasukan keselamatan. Sebagai penjawat awam, adalah menjadi kewajipan kita di barisan hadapan untuk melaksanakan tanggungjawab menjaga keamanan dan **memberi sokongan penuh** terhadap setiap usaha **mempertahan kedaulatan serta keselamatan negara**. Kita perlu berwaspada dengan anasir dalam dan luar negara yang mencemar kejayaan pembangunan negara kita.

14. Prinsip *camaraderie* atau kekitaan perlu diterap dalam diri masing-masing. Sebagai penjawat awam kita perlu menyatukan usaha dan tenaga serta mengatur langkah sehaluan menuju ke hadapan dalam mencapai aspirasi negara. Perbezaan generasi, etnik, budaya dan kepercayaan seharusnya tidak dijadikan sebagai penghalang tetapi menjadi sumber kekuatan dalam menerajui perkhidmatan awam. Oleh itu, kita perlulah menghayati konsep “Meraikan Perbezaan, Mengukuhkan Persamaan (*Celebrating Diversity, Uniting Similarity*)”. Sekiranya semua pihak berganding bahu dan menghayati semangat kebersamaan ini, maka usaha mengerakkan Malaysia kepada status negara maju pasti akan tercapai.

PEMATUHAN KEPADA PERATURAN BAGI PENJAWAT AWAM MENJELANG PILIHANRAYA UMUM

Saudara dan Saudari PTD Muda sekalian,

15. Bahang Pilihanraya Umum Ketiga Belas semakin hampir apabila YAB Perdana Menteri membubarkan Parlimen pada 3 April 2013. Saya yakin, Saudara dan Saudari sekalian amat teruja untuk **menjalankan tanggungjawab** sebagai pengundi. Tunaikanlah tanggungjawab Saudara dan Saudari kepada negara menerusi pembuangan undi.

PENUTUP

16. Mengambil kesempatan pada malam ini, saya ingin **mengucapkan tahniah** kepada INTAN dan pegawai-pegawainya yang saban tahun melatih, mendidik dan membentuk Pegawai Muda PTD dengan penuh dedikasi menerusi pelaksanaan Kursus DPA. Tidak lupa juga, ucapan terima kasih ini dirakamkan kepada agensi-agensi awam yang menjadi **rakan strategik** INTAN dengan terlibat dalam memberikan latihan dan tunjuk ajar kepada peserta kursus DPA Bil. 2/2012, melalui modul-modul yang telah diaturkan.

17. Harapan serta pesanan saya buat Pegawai Muda PTD sekalian ialah agar Saudara dan Saudari dapat **menyambung warisan kecemerlangan** dan **meneruskan kesinambungan usaha pemantapan perkhidmatan awam**.

Sekian.

Wabillaahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.